

18 JUN 2002

MAHATHIR-SWITZERLAND/I

LAWATAN DR MAHATHIR KE SWITZERLAND PERTINGKAT HUBUNGAN EKONOMI DUA HALA

Oleh: Manik Mehta

ZURICH, 18 Jun (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Switzerland baru-baru ini telah mempertingkatkan hubungan antara Malaysia dan negara Eropah itu.

Bagaimanapun, para penganalisis di Switzerland berkata, isu-isu topik seperti usaha memerangi keganasan antarabangsa, keadaan di Asia Barat, struktur sistem kewangan antarabangsa dan globalisasi juga ditimbulkan dalam perbincangan-perbincangan yang diadakan dengan pihak-pihak di Swizerland. Ini merupakan julung-julung kali seorang ketua kerajaan Malaysia mengunjungi Switzerland.

Dalam perbincangannya dengan beberapa pihak, termasuk Presiden Switzerland, Kaspar Villiger serta Menteri Ekonomi Joseph Deiss dan Menteri Luar Pascal Couchepin, Dr Mahathir menekankan pentingnya interaksi ekonomi yang lebih luas antara Malaysia dan Switzerland serta menegaskan perlunya dimanfaatkan potensi perniagaan yang ada dalam perdagangan dan pelaburan.

Malaysia mengadakan perdagangan yang tidak seimbang dengan Switzerland. Perdana Menteri menggesa Switzerland membuka pasarannya dan membeli lebih banyak barangan Malaysia. Eksport Switzerland ke Malaysia pada tahun 2001 berjumlah 553 juta franc Switzerland manakala importnya dari Malaysia bernilai hanya 241 juta franc Switzerland.

Switzerland juga memberi bantuan kepada Malaysia di bawah program bantuan pembangunannya.

Switzerland membantu Malaysia di bawah projek anjuran Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa di Sarawak dan dalam bidang latihan vokasional.

Malaysia juga melahirkan penghargaan bagi kerjasama daripada Switzerland berhubung dengan kes syarikat keluli Malaysia, Perwaja.

Switzerland melahirkan rasa gembira bahawa Malaysia telah mengambil keputusan untuk membuka semula kedutaannya di ibu negara Switzerland, Bern. Menurut pihak Malaysia, kedutaan itu mungkin dibuka paling lewat tahun depan.

Kedutaan tersebut, yang beroperasi sehingga tahun 1992, telah ditutup disebabkan oleh kekangan kewangan. Sejak tahun 1992 Malaysia telah diwakili oleh sebuah konsulat di Zurich dan misi tetapnya ke Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva.

"Pembukaan semula kedutaan di Bern nanti akan mempertingkatkan interaksi diplomatik antara kedua-dua negara dan akan memberi kesan positif kepada hubungan ekonomi dua hala," kata seorang pegawai dari Jabatan Hubungan Luar (pejabat luar negara Switzerland) kepada Bernama.

Switzerland mempunyai satu sebab lain untuk memupuk hubungan baik dengan Malaysia. Negara itu yakin terhadap Malaysia disebabkan oleh peranannya yang menonjol dalam dunia Islam, kerana Malaysia boleh memainkan peranan penting dalam usaha-usaha global untuk membendung dan menghapuskan keganasan antarabangsa seperti yang disaksikan oleh dunia baru-baru ini.

Presiden Switzerland begitu ketara sekali menegaskan peranan penting Dr Mahathir "sebagai pemimpin dan negarawan Islam" dalam usaha memerangi keganasan di seluruh dunia. Villiger juga memuji "semangat inovatif" Perdana Menteri.

Satu persoalan yang masih wujud dalam hubungan antara kedua-dua negara ialah nasib Bruno Manser, penggiat alam sekitar Switzerland, yang hilang di Borneo. Walaupun ramai di antara penyokong-penyokong Manser di Switzerland bimbang bahawa beliau mungkin telah terbunuh, namun jaminan Malaysia bahawa ia akan melakukan segala yang mungkin untuk mengesan Manser nampaknya

memberi kesan positif ke atas pihak Switzerland.

Tabung Bruno Manser juga meminta Kerajaan Malaysia mencari diari Manser yang mengandungi maklumat berharga.

Beberapa barangan milik peribadi Manser telah diserahkan kepada pihak Switzerland. -- BERNAMA

MM SD KY ZK